



# PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB  
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB  
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA  
KEMENTERIAN**

**HARI RABU: 4 NOVEMBER 2009**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

Sidek/jwp.09

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 5, 11 HINGGA 40 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 4**

**NO. 6 HINGGA 10**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2009

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan cadangan untuk mengatasi masalah pencemaran udara yang disebabkan oleh pembakaran terbuka di Indonesia, namakan perbadanan-perbadanan Malaysia yang terlibat dan apakah langkah-langkah yang akan diambil ke atas perbadanan yang terlibat dalam aktiviti sedemikian.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan atau *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution*, negara-negara ASEAN mengadakan kerjasama untuk menangani masalah jerebu merentasi sempadan terutama yang berpunca daripada pembakaran tanah dan hutan.

Antara usaha-usaha serantau yang diambil untuk menangani isu ini termasuk:

- i. Komitmen Indonesia untuk menangani pembakaran terbuka yang dimaklumkan dalam Mesyuarat ke-8 *Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution* di Singapura pada 19 Ogos 2009. Antara langkah yang diambil oleh negara tersebut termasuk menggantung permit pembakaran terbuka di kawasan-kawasan yang sering berlaku kebakaran. Pihak Indonesia memaklumkan bahawa usaha ini akan mengambil masa untuk membawa kesan positif; dan
- ii. Persetujuan di Mesyuarat ke-8 Jawatankuasa Pemandu tersebut supaya mekanisme *joint emergency response* dipermudahkan lagi untuk menggerakkan bantuan kecemasan serta untuk memadam kebakaran tanah dan hutan di negara-negara yang terlibat.

Di peringkat dua hala, Malaysia telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak Indonesia pada 3 Jun 2008. Tujuan MOU ini adalah untuk mengadakan kerjasama bagi mencegah kebakaran tanah dan hutan serta jerebu di Daerah Rokan Hilir, Wilayah Riau, Sumatera, Indonesia. Sejalan dengan MoU ini, Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan pelbagai program seperti berikut:-

- (i) Bengkel amalan pembersihan tanah tanpa pembakaran (*zero burning*) kepada ketua-ketua masyarakat dari Wilayah Riau, Sumatera;
- (ii) Latihan pemadaman api kepada Sukarelawan Pemadam Api dari Wilayah Riau;

- (iii) Pembinaan sekatan saluran (*canal blocking*) di tanah gambut di Wilayah Riau bagi memulihkan kawasan-kawasan gambut yang terbakar; dan
- (iv) Pemasangan sebuah stesen pengawasan kualiti udara di Bagan Siapi-api, Wilayah Riau, sebagai sistem amaran awal pengesanan jerebu dan stesen ini telah mula beroperasi semenjak bulan Mei 2009.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada syarikat perladangan Malaysia terlibat dalam pembakaran terbuka di Indonesia bagi tempoh Januari hingga September 2009. Perkara ini dimaklumkan dalam Mesyuarat Ke-Sembilan *Sub Working Group on Palm Oil (SWGPO)* yang telah diadakan di Bandung, Indonesia dari 20 hingga 21 Oktober 2009. Namun begitu, Kerajaan Malaysia sentiasa menegaskan kepada syarikat-syarikat perladangan Malaysia yang melabur di Indonesia supaya mematuhi undang-undang negara berkenaan serta mencontohi peraturan-peraturan sedia ada di Malaysia, seperti mengamalkan pembakaran sifar di dalam pembukaan kawasan perladangan sawit baru.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. HIEW KING CHEU  
(KOTA KINABALU)**

**TARIKH : 4 NOV 2009  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengapakah tidak ada pengawal keselamatan ditempatkan di 'Air to Ground Target Scoring System' di Kem Paradise, Kota Belud, Sabah dan berapakah jumlah kos projek itu.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Lapang Sasar Udara (LASARUD) telah dibina di dalam kawasan Lapang Sasar Kota Belud untuk tujuan latihan menembak udara ke darat jet pejuang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Pada masa ini pasukan Tentera Darat (TD) menyediakan pengawal untuk membuat rondaan siang dan malam bagi memastikan kawasan lapang sasar dan LASARUD tidak dicerobohi oleh orang luar. Pada masa yang sama, papan tanda amaran mengenai bahaya dan larangan telah ditempatkan sebagai peringatan kepada orang awam akan bahaya kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kos keseluruhan projek yang melibatkan pembinaan infrastruktur dan sistem '*Air to Ground Target Scoring*' adalah sebanyak RM26.8 juta. Sistem LASARUD ini masih belum diterima dengan sepenuhnya oleh TUDM dan dijangka diterima dalam bulan November 2009. Pada masa ini tanggungjawab keselamatan sistem berkenaan masih di bawah tanggungjawab pihak kontraktor. Setelah TUDM menerima sistem tersebut, pengawasan di kawasan tersebut akan dipertingkatkan dengan pemasangan *close circuit television* (CCTV) dan penempatan pengawal tetap.

**SOALAN NO. 12**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED**  
**KAWASAN** : **PULAI**  
**TARIKH** : **4.11.2009 (RABU)**

**YB. Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status perundingan FTA Malaysia dan New Zealand yang berlangsung sekarang dan nyatakan perundingan FTA dengan negara lain yang sedang dijalankan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Rundingan ke atas Perjanjian Perdagangan Bebas atau FTA Malaysia dengan New Zealand telah dimuktamadkan pada 30 Mei 2009 dan Perjanjian tersebut telah ditandatangani baru-baru ini pada 26 Oktober 2009 di Kuala Lumpur. Pelaksanaan Perjanjian ini akan bermula pada 2010 sehingga 2016.

2. Perjanjian FTA Malaysia dengan New Zealand ini akan mempermudah dan meningkatkan lagi perdagangan dan pelaburan duahala serta perhubungan ekonomi di antara kedua-dua negara. Perjanjian ini juga akan melengkapi Perjanjian FTA serantau yang sedia

**ada, iaitu FTA ASEAN-Australia-New Zealand yang telah ditandatangani pada 27 Februari 2009.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**3. Pada masa ini, Malaysia terlibat dalam beberapa rundingan FTA duahala, iaitu dengan Australia, Chile, India dan Amerika Syarikat. Di peringkat serantau, iaitu ASEAN pula, Malaysia terlibat dalam rundingan FTA dengan India dan China bagi bidang-bidang tertentu. Rundingan dengan India melibatkan sektor perkhidmatan dan pelaburan, manakala dengan China ianya melibatkan sektor perkhidmatan.**

**\*\*\*\*\***

NO: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
( PETALING JAYA UTARA )

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.11.2009

SOALAN NO : 13

Tuan Tony Pua Kiam Wee ( Petaling Jaya Utara ) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan subsidi yang diberikan ataupun cukai yang dikutip daripada pengguna untuk setiap liter petrol yang dijual, termasuk jenis RON98, RON95 dan diesel jika harga minyak mentah pasaran antarabangsa berharga US\$60, US\$70, US\$80 dan US\$100 mengikut kadar permintaan terkini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jenis minyak yang dijual di stesen minyak pada masa ini adalah petrol RON97, petrol RON95 dan diesel. Pada harga minyak mentah di pasaran antarabangsa USD\$60, USD\$70, USD\$80 dan USD\$100, Kerajaan menjangka membayar subsidi atau mengutip cukai jualan seperti berikut:

Produk	Anggaran Cukai Jualan/(Subsidi)			
	USD60 (sen/liter)	USD70 (sen/liter)	USD80 (sen/liter)	USD100 (sen/liter)
RON97	6.52	(16.12)	(38.76)	(84.05)
RON95	(11.70)	(34.34)	(56.99)	(102.27)
Diesel	(38.54)	(61.18)	(83.82)	(129.11)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM  
(SERIAN)**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Richard Riot Anak Jaem (Serian) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kesahihan penemuan/laporan Kementerian berhubung gadis-gadis/wanita-wanita kaum Penan diperkosa.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan Bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual terhadap Wanita Kaum Penan di Sarawak yang ditubuhkan oleh Kementerian

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 8 Oktober 2008 yang bertujuan untuk menyasat dakwaan eksploitasi seks ke atas wanita dan pelajar perempuan kaum Penan di Sarawak oleh pekerja syarikat pembalakan memutuskan bahawa dakwaan ini memang berlaku.

Penderaan seksual ini berlaku akibat daripada kebergantungan mangsa kepada pengangkutan kenderaan milik syarikat pembalakan dan kehadiran orang luar yang berurusan dengan orang kampung untuk membeli hasil hutan.

SOALAN NO: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN

TARIKH: 4 NOVEMBER 2009

SOALAN:

**Y.B. Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pihak Kementerian telah melancarkan program “*Train and Place*” untuk membantu penganggur mendapat pekerjaan baru. Berapakah penganggur telah di “*Train and Place*” di bawah skim ini dan di sektor mana mereka sedang bekerja.

PR-1223-L33225

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah melaksanakan Program *Train and Place* mulai bulan Mei 2009. Program ini diadakan bagi membantu penganggur yang terdiri daripada pekerja yang diberhentikan, siswazah dan belia untuk mendapat pekerjaan. Latihan yang diberi dalam 17 bidang meliputi 82 jenis program latihan. Bilangan yang telah dan sedang dilatih melalui program *Train and Place* sehingga 27 Oktober 2009 adalah seramai 32,744 orang.

Tuan Yang Di Pertua

Seramai 6,061 orang telah menamatkan latihan dan 2,238 orang telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan. Jumlah yang berjaya ditempatkan dalam pekerjaan akan bertambah apabila program ini berakhir nanti.

Tuan Yang Di Pertua,

Pelatih yang telah tamat latihan dan berjaya ditempatkan di sepuluh (10) sektor pekerjaan, antaranya sektor pelancongan dan hospitaliti seramai 526 orang, teknologi maklumat dan komunikasi seramai 298 orang, pendidikan dan latihan seramai 199 orang dan pakaian dan tekstil seramai 160 orang.

## SOALAN NO: 16

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE

TARIKH: 4 NOVEMBER 2009

SOALAN:

**Y.B. Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar pengangguran di kalangan graduan IPTA di peringkat Ijazah, Sarjana dan Doktor Flasafah dan nyatakan mengikut bidang dan IPTA berkenaan.

PR-1223-T33627

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai rekod terperinci bilangan graduan IPTA yang sedang menganggur. Mengikut portal JobsMalaysia, jumlah pendaftar baru dikalangan graduan pencari kerja tahun ini sehingga 3 November 2009 adalah seramai 72,680 orang daripada IPTA. Daripada jumlah tersebut, seramai 51 memiliki Ijazah Kedoktoran, 1,268 Sarjana, 39,867 Ijazah Pertama dan 31,494 Diploma . Jumlah pencari kerja ini tidak menggambarkan jumlah sebenar pengangguran dikalangan graduan kerana ada diantara mereka telah berkerja dan berhasrat untuk mendapatkan pekerjaan lebih baik atau bertukar tempat kerja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**
- DARIPADA** : **Tuan Muhammad bin Hussain [ Pasir Puteh]**
- TARIKH** : **Rabu, 4 November 2009**
- SOALAN 17** : **Tuan Muhammad bin Hussain [ Pasir Puteh] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian menangani isu Tarian Pendet yang jelas menjejaskan hubungan Indonesia- Malaysia.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kontroversi yang tercetus di Indonesia berhubung isu penayangan klip '*Tarian Pendet*' pada siaran komersial *Discovery Network Asia Pacific* baru-baru ini telah mencetuskan satu provokasi meluas dari pihak media Indonesia, yang mendakwa Malaysia sekali lagi telah menyinggung sensitiviti masyarakat Indonesia. Isu ini timbul apabila ada beberapa pihak di Indonesia telah mensensasikan iklan promosi "*Enigmatic Malaysia*" yang menyelitkan elemen '*Tarian Pendet*' dalam siri iklan tersebut dan menuduh Malaysia mengambil kebudayaan Indonesia dalam mempromosikan kebudayaan dan pelancongan Malaysia.

2. Isu ini mula mendapat perhatian meluas pada 22 Ogos 2009, di mana sekumpulan artis serta ahli Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia telah melakukan demonstrasi di Bali sebagai protes terhadap Kerajaan Malaysia yang didakwa menggunakan '*Tarian Pendet*' sebagai kepunyaan Malaysia.

3. Seterusnya, pada 24 Ogos 2009, Kuasa Usaha Sementara Malaysia di Jakarta telah bertemu dengan T.Y.T. Jero Wacik, yang pada masa itu Menteri Kebudayaan dan Parawisata (Pelancongan) Republik Indonesia untuk menjelaskan bahawa Kerajaan Malaysia tidak terlibat dengan penghasilan iklan promosi tersebut.

4. Walaupun tindakan yang segera telah diambil untuk menjelaskan perkara sebenar dan meredakan ketegangan, Kementerian Luar Negeri tetap memandang serius akan segelintir

dakwaan pihak di Indonesia yang terus memainkan sentimen negatif dan tuduhan melulu terhadap Malaysia berikutan penayangan klip '*Tarian Pendet*' tersebut.

5. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri telah meminta penjelasan daripada pihak *Discovery Network Asia Pacific* yang bertanggungjawab dalam penyiaran klip tersebut. Penjelasan oleh pihak tersebut secara nyata dan jelas membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak di Malaysia tidak mempunyai sebarang kaitan dengan produksi dan penayangan klip promo yang menampilkan grafik elemen budaya Republik Indonesia.

6. Kementerian Luar Negeri melalui Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta juga telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar pada 27 Ogos 2009 bagi menjelaskan sekali lagi bahawa terdapat kekeliruan yang serius terhadap penayangan klip komersial tersebut dan menafikan sekeras-kerasnya penglibatan mana-mana pihak dari Malaysia berhubung isu tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Susulan daripada kontroversi isu '*Tarian Pendet*', satu corak (*pattern*) dapat dilihat pada media Indonesia yang mengeksploitasi isu-isu yang mempunyai potensi untuk mengeruhkan hubungan di antara Malaysia dan Indonesia. Beberapa pihak media Indonesia jelas mengambil kesempatan untuk membangkitkan perkara-perkara yang telah tenggelam atau reda setelah sekian lama. Isu yang pada mulanya hanya melibatkan paparan negatif media

kemudiannya telah menular sehingga menjadi ancaman dan sekaligus menjejaskan hubungan Malaysia dan Indonesia.

8. Bagi menangani ketegangan ini, Y.B. Menteri Luar Negeri pada 9 September 2009 telah memanggil (*summon*) T.Y.T. Tan Sri Jen. (B) Da'i Bachtiar, Duta Besar Republik Indonesia ke Malaysia, untuk menyatakan pendirian Malaysia berkenaan isu tersebut yang telah mengakibatkan kepincangan di dalam hubungan dua hala kedua-dua buah negara serta membincangkan langkah keselamatan terhadap rakyat Malaysia berikutan beberapa ancaman oleh segelintir pihak di Indonesia.

9. Memandangkan Kerajaan Malaysia menganggap isu tersebut perlu diberi keutamaan, Y.B. Menteri Luar Negeri sendiri telah membuat lawatan kerja ke Indonesia pada 16 dan 17 September 2009 dan mengadakan pertemuan dengan T.Y.T. Dr. Susilo Bambang Yudhoyono, Presiden Republik Indonesia dan T.Y.T. Dr. Hassan Wirajuda, Menteri Luar Negeri Republik Indonesia bagi menyampaikan jaminan kerjasama yang kukuh dan erat serta komitmen tinggi Malaysia di samping mendapat komitmen yang sama dari pihak Indonesia dalam memelihara hubungan kedua-dua buah negara. Y.B. Menteri Luar Negeri kemudiannya telah mengadakan satu sidang akhbar bersama dengan T.Y.T. Menteri Luar Negeri Republik Indonesia bagi menjelaskan perkara sebenar kepada media Indonesia.

10. Berdasarkan perkembangan semasa, adalah jelas bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Luar Negeri telah membantu menangani isu '*Tarian Pendet*' melalui saluran

diplomasi dan tindakan segera ini sekali gus mengelakkan ketegangan dan kekeliruan ini daripada berpanjangan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN**

**KAWASAN : REMBAU**

**TARIKH : 04.11.09 (RABU)**

**Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ Rembau ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan penyertaan dan pegangan ekuiti Bumiputera di dalam 27 sub-sektor perkhidmatan yang telah diliberalisasikan secara serta merta pada 22 April lepas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Liberalisasi pegangan ekuiti asing bagi 27 sub-sektor perkhidmatan pada 22 April 2009 dibuat setelah mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada persatuan dan pertubuhan perniagaan termasuk yang mewakili komuniti peniaga Bumiputera. Kebanyakan sub-sektor perkhidmatan yang diliberalisasikan sepenuhnya ini adalah memerlukan modal yang besar, kemahiran dan kepakaran yang khusus dan keupayaan teknologi yang tinggi.

27 sub-sektor perkhidmatan yang telah diliberalsasikan itu dikategorikan di bawah perkhidmatan dalam bidang ICT, kesihatan, pelancongan, logistik, sukan dan lain-lain rekreasi, sosial serta perniagaan. Daripada bidang-bidang tersebut, penglibatan besar Bumiputera adalah dalam sub-sektor perkhidmatan ICT, logistik dan pelancongan.

Dalam sub-sektor ICT, syarikat Bumiputera yang diberi kelulusan status MSC berjumlah 309 syarikat, iaitu 13.1 peratus daripada keseluruhan 2,361 syarikat berstatus MSC. Bagi perkhidmatan pengangkutan barangan sendiri, jumlah syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan adalah 9,945 syarikat atau 19 peratus daripada keseluruhan 52,277 syarikat yang berdaftar sebagai pemegang lesen pembawa C. Penglibatan Bumiputera dalam agensi perialanan dan pengendali pelancongan bagi perialanan ke dalam negara pula iaitu 1,373 syarikat atau 50.3 peratus daripada 2,726 syarikat, manakala dalam perkhidmatan penginapan dan hotel bertaraf 4 dan 5 bintang, jumlah syarikat Bumiputera yang terlibat ialah 445 syarikat atau 24.5 peratus daripada keseluruhan 1,813 syarikat.

Maklumat-maklumat yang diperolehi itu adalah daripada Kementerian-kementerian dan agensi yang berkaitan seperti Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Pelancongan dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.

\*\*\*\*\*

PARLIMEN MALAYSIA  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009 [ RABU ]**

**SOALAN : Tuan Aaron Ago Anak Dagang [ Kanowit ] minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan  
bagi beberapa program yang telah dimajukan oleh Kementerian  
melalui beberapa agensi seperti FAMA, Tekun, Agrobank,  
Perladang, LKIM dalam hasrat Kerajaan menolong dan  
menjayakan petani-petani kita.**

**JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui  
Jabatan dan Agensi di bawahnya sentiasa komited dan berusaha  
memastikan objektif Kerajaan untuk menjadikan pertanian sebagai  
penggerak utama ekonomi negara terlaksana.

Antara kejayaan yang telah dicapai oleh Kementerian  
melalui program yang dijalankan adalah:-

1. Jabatan Pertanian telah berjaya melahirkan usahawan tani yang berjaya dalam pelbagai bidang seperti sayur-sayuran, buah-buahan, florikultur, padi, herba dan rempah ratus, cendawan, roselle, kelapa, industri asas tani, lebah dan vermikompos / cacing supaya petani-petani atau usahawan yang dibimbing mampu memperolehi pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan.
  
2. Jabatan Perikanan pula melalui 3 program iaitu:
  - i) Program Usahawan Industri Asas Tani telah berjaya melahirkan dan membimbing seramai 221 orang usahawan yang mengeluarkan produk nilai tambah perikanan yang merangkumi produk tradisional dan produk moden. Purata pendapatan peserta projek ini adalah melebihi RM3,000.00 sebulan.
  
  - ii) Melalui program Komuniti Pengurusan Sumber Perikanan (KPSP), 83 komuniti dengan 3,000 peserta di seluruh negara telah diwujudkan dan menjalankan aktiviti ekonomi seperti pemasaran ikan segar, pemprosesan, agro-pelancongan, perkhidmatan sokongan perikanan seperti pembaikan dan penyelenggaraan bot dan enjin, penternakan ikan dan kerang-kerangan dan terlibat dalam pengurusan sumber perikanan setempat. Konsep pengurusan secara komuniti ini adalah satu kaedah yang lebih efisien untuk mengurus sumber perikanan memandangkan melalui program pendidikan dan kesedaran, nelayan akan lebih memahami segala dasar dan program yang dijalankan oleh jabatan. Masyarakat nelayan akan lebih prihatin untuk menjaga

sumber dan memastikan perikanan negara dapat diurus secara mapan.

iii) Di bawah Program Menambahkan Pendapatan Petani, Penternak dan Nelayan, sehingga tahun 2008 seramai 1005 peserta di kalangan mereka yang berpendapatan rendah telah dapat meningkatkan pendapatan kepada RM1000/bulan. Melalui program ini, peserta yang menjalankan projek pengeluaran produk perikanan secara kecil-kecilan dibekalkan dengan peralatan untuk meningkatkan tahap pengeluaran mereka.

3. Di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pula diwujudkan program bagi membantu petani-petani memasarkan hasil pertanian. Antara program di bawah FAMA adalah Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) dan Pasar Tani.

i) Melalui Program GBBS, sehingga September 2009, 377 buah gerai telah dibuka dan 306 usahawan telah berjaya memperoleh jualan sebanyak RM134 juta.

ii) Bagi pasar tani pula sehingga September 2009 sebanyak 344 pasar tani telah dibangunkan melibatkan 16,260 usahawan dan berjaya mengumpul hasil jualan sehingga RM360 juta.

4. Kementerian melalui TEKUN Nasional telah melaksanakan Program Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN). Program ini diwujudkan bagi membantu usahawan Bumiputera yang ingin memulakan dan meningkatkan perniagaan melalui pembiayaan perniagaan dan khidmat sokongan.

Sehingga 30 September 2009, TEKUN Nasional telah mengeluarkan 188,708 pembiayaan bernilai RM1.385 bilion kepada 150,988 usahawan di seluruh negara. Di samping itu, TEKUN Nasional juga menyediakan pembiayaan projek kepada pelbagai sektor termasuklah sektor pertanian, penternakan dan perikanan. Bagi tahun 2009, TEKUN telah memberikan pembiayaan kepada 2,555 peserta berjumlah RM36,429,300 bagi membantu golongan di dalam sektor pertanian.

5. Di bawah Agrobank pula, kemudahan pinjaman dan pembiayaan kepada petani, penternak, nelayan dan pengusaha bidang pertanian dengan menggunakan dana kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kewangan, Kementerian Perladangan Dan Perusahaan Komoditi, Kementerian Belia dan Bank Negara Malaysia. Agrobank telah memberikan kemudahan pinjaman sebanyak RM773 juta kepada 2,473 pengusaha di bawah Skim Tabung Untuk Makanan dan RM174 juta di bawah Skim Kredit Padi kepada 44,386 pesawah.
6. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga menyediakan Program Pembangunan Usahawan Peladang (PUP) dalam usaha untuk membantu dan membangunkan ahli-ahli Pertubuhan Peladang supaya menjadi lebih berdaya maju dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan mereka. Melalui program ini, ahli-ahli Pertubuhan Peladang yang terpilih akan diberi bantuan kewangan, latihan dan khidmat nasihat serta bimbingan supaya usaha-usaha mereka dapat berkembang.

Sehingga akhir tahun 2008, 420 orang daripada 2,191 orang yang dibantu telah memperoleh pendapatan melebihi

RM3,000.00 sebulan, 190 orang memperoleh pendapatan antara RM2001 - RM3,000 sebulan, 457 orang memperoleh pendapatan antara RM1001 - RM2000 sebulan manakala bakinya memperoleh pendapatan kurang dari RM 1000.00 sebulan.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN  
(SEPANGGAR)  
TARIKH : 4 NOVEMBER 2009 (RABU)  
SOALAN : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN  
(SEPANGGAR) minta MENTERI PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

Jumlah keluasan tanaman dan hasil padi di setiap negeri pengeluar menjelang akhirnya Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) dan sama ada dapat dilaksanakan dengan jayanya. Apakah rancangan Kementerian ini untuk memastikan usaha memajukan tanah-tanah terbiar yang begitu luas di setiap negeri dapat dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah keluasan bertanam padi di seluruh negara pada tahun 2008 adalah sebanyak 656,602 hektar meliputi 503,290 hektar di Semenanjung Malaysia dan 153,312 hektar di Sabah dan Sarawak. Pengeluaran padi seluruh negara bagi tahun 2008 adalah sebanyak 2,353,032 metrik tan dengan purata pengeluaran sebanyak 3.58 metrik tan

sehektar di mana purata pengeluaran sehektar di Semenanjung adalah 4.00 metrik tan sehektar dan 3.55 metrik tan sehektar di Sabah dan 1.78 metrik tan sehektar di Sarawak.

Menjelang tahun akhir Rancangan Malaysia Ke-9 iaitu pada tahun 2010, keluasan bertanam padi dianggarkan meningkat kepada 673,745 hektar dengan keluasan sebanyak 510,474 hektar di Semenanjung dan 163,271 hektar di Sabah dan Sarawak. Peningkatan ini ialah sebanyak 2.61% daripada tahun 2008.

Pengeluaran padi seluruh negara dijangka meningkat kepada 2,548,309 metrik tan dengan purata 3.78 metrik tan sehektar iaitu 4.26 metrik tan sehektar di Semenanjung, 3.48 metrik tan sehektar di Sabah dan 1.88 metrik tan sehektar di Sarawak.

Di dalam tempoh RMKe-9, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperuntukkan sebanyak RM 92.2 juta bagi membangunkan tanah terbiar di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak melalui Projek Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian (ACDA), Projek Pengurusan Tanah Terbiar di bawah Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan dan Projek Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian Bagi Memajukan Tanah Terbiar di Pelbagai Negeri di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi. Peruntukan yang diberikan adalah bagi membangunkan tanah terbiar yang meliputi pembangunan infrastruktur ladang seperti pembersihan kawasan, jalan ladang, sistem saliran dan sistem pengairan serta insentif amalan teknologi.

Sehingga tahun 2009, peruntukan sebanyak RM56.8 juta telah disalurkan termasuk RM11.7 juta yang disalurkan ke Sabah dan Sarawak. Dengan peruntukan tersebut, tanah terbiar seluas 4,879 hektar telah dibangunkan dengan 248 projek yang melibatkan 3,988 orang peserta. Sehingga kini, sebahagian projek telah

mengeluarkan hasil berjumlah 3,274 metrik tan yang bernilai RM3.5 juta. Projek pembangunan tanah terbiar akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 bagi memastikan lebih banyak tanah terbiar dapat dibangunkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU  
[ TELOK INTAN ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009**

**SOALAN:**

**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah perpustakaan awam yang ditubuhkan oleh Kerajaan di Malaysia; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempromosi bacaan di kalangan murid dan orang ramai dan adakah Kementerian bercadang untuk membuka semua perpustakaan tujuh hari seminggu dari jam 8 pagi sehingga 10 malam.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, jumlah perpustakaan awam yang ditubuhkan oleh Kerajaan di Malaysia adalah sebanyak 1,401 buah. Jumlah ini termasuk perpustakaan negeri, cawangan/daerah, wilayah, pekan, desa dan bas bergerak yang diwujudkan mengikut negeri.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui Perpustakaan Negara Malaysia dan perpustakaan awam negeri di seluruh negara telah dan sedang melaksanakan langkah-langkah mempromosi bacaan di kalangan murid-murid sekolah dan orang ramai melalui program-program seperti berikut:

- (a) Program Keharuman Buku, Program Buku Kawan Anda, Program *Let's Read Together*, Sesi Bercerita dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah
- (b) Karnival Mari Membaca di peringkat negeri melibatkan institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan
- (c) Program *Book on the Go* yang menekankan perkhidmatan kepada golongan yang tidak berkesempatan berkunjung ke perpustakaan
- (d) Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan institusi masyarakat setempat

- (e) Bekerjasama dengan persatuan penduduk dan komuniti setempat bagi melaksanakan Program Pembacaan kepada semua peringkat masyarakat
- (f) Mempromosi bahan bacaan menerusi penampilan ikon terkenal seperti Program Membaca Bersama Angkasawan Negara

Waktu perkhidmatan perpustakaan adalah bergantung kepada kesesuaian komuniti setempat. Kementerian ini tidak bercadang untuk membuka perpustakaan 7 hari seminggu dari pukul 8 pagi hingga 10 malam kerana ia akan melibatkan kos dan pertambahan kakitangan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat permintaan dari penduduk setempat, Kementerian ini bersedia untuk mempertimbangkan bagi melanjutkan waktu perkhidmatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
( BANDAR KUCHING )

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.11.2009

SOALAN NO : 22

Tuan Chong Chieng Jen ( Bandar Kuching ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapa 'special draw' telah diluluskan oleh Kerajaan untuk Da Ma Cai, Magnum, Toto dan Big Sweep masing-masing dalam tahun 2008 dan 2009 dan apakah rasional kelulusan begitu banyak 'special draw' hingga membebankan pembeli-pembeli nombor empat ekor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan meluluskan sebanyak **sepuluh (10)** kali cabutan '*special draw*' pada tahun 2008 dan **dua belas (12)** kali cabutan '*special draw*' pada tahun 2009 untuk Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. (Da Ma Cai), Magnum Corporation Sdn. Bhd. (Magnum) dan Sports Toto (M) Sdn. Bhd. (Toto). Manakala untuk Big Sweep pula, tiada cabutan '*special draw*' yang diluluskan bagi kedua-dua tahun tersebut.

2. Rasional '*special draw*' diluluskan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk mengutip hasil bagi membiayai pelbagai program sukan, kebajikan, sosial,

kebudayaan dan kesihatan yang memberi faedah kepada masyarakat dan negara. Penganjuran 'special draw' tidak membebankan pembeli-pembeli memandangkan hanya terdapat sepuluh (10) hingga dua belas (12) cabutan yang diperuntukkan kepada setiap syarikat nombor ramalan berlesen dalam setahun.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI  
ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR  
(JERANTUT)**

**TARIKH : 04.11.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [ JERANTUT ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menghapuskan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil dengan hanya satu sekolah sahaja iaitu Sekolah Kebangsaan, berkonsepkan 1Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan semua kaum bersesuaian dengan konsep 1Malaysia. Pada masa yang sama, KPM melihat kepada aspek yang menyeluruh dalam pembangunan pendidikan negara dan tidak hanya melihat kepada satu jenis sekolah atau satu kawasan tertentu sahaja. Selaras dengan itu, KPM mengutamakan pembinaan sekolah kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana bagi memenuhi keperluan pelajar dan ibu bapa pelbagai kaum dan memupuk perpaduan sejak awal persekolahan.

Sehubungan itu, KPM berpandangan bahawa cadangan memperkenalkan sistem pendidikan satu aliran memerlukan perbincangan yang lebih khusus dan perlu mendapat pandangan daripada pelbagai pihak.

**SOALAN NO: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
[ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009**

**RUJUKAN : 2087**

**SOALAN:**

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mengadakan satu referendum untuk rakyat menyatakan menghapuskan sama sekali Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sehingga kini, Kerajaan tidak berhasrat untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960, memandangkan undang-undang tersebut masih lagi relevan dan terpakai dalam suasana keselamatan dan ketenteraman awam semasa negara ketika ini.

AKDN 1960 perlu dikekalkan kerana keberkesannya di dalam mencegah sebarang perbuatan, kegiatan atau aktiviti berbentuk subversif ataupun yang boleh mengancam atau memudaratkan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Di samping itu, daripada forum-forum yang diadakan oleh Kementerian, maklum balas yang diterima menunjukkan sebahagian besar masyarakat masih merasakan bahawa AKDN 1960 itu masih relevan dan tidak bersetuju akta tersebut dimansuhkan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menyemak dan mengkaji Akta tersebut serta peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini demi mencapai keadilan dan kesaksamaan hak asasi manusia di dalam pelaksanaannya.

Tuan Yang Di Pertua,

Y.A.B. Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah mengumumkan bahawa AKDN 1960 akan dikaji semula secara terperinci. Sebagai melaksanakan janji tersebut, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal Kajian Undang-Undang. Jawatankuasa-jawatankuasa ini diberi tanggungjawab untuk menyemak dan mengkaji peruntukan-peruntukan di dalam ISA serta prosedur pelaksanaannya. Penekanan telah diberikan kepada aspek keberkesanan dan kebolehpayaan penguatkuasaan peruntukan sedia ada. Di antara beberapa perkara yang diberi tumpuan adalah seperti bidang kuasa Menteri, tempoh tahanan dan hak-hak orang tahanan.

Jawatankuasa Teknikal ini turut membuat perbandingan dengan undang-undang sedia ada daripada negara-negara lain. Di antara negara tersebut adalah seperti Amerika Syarikat (*USA Patriot Act 2001 & Homeland Security Act 2002*), Australia (*Terrorism Act 2005*), United Kingdom (*Terrorism Act 2000*), Singapura (*Internal Security Act 1963*), Tanzania (*Tanganyika Preventive Detention 1962*), Bangladesh (*Special Powers Act 1974*), Ghana (*Preventive Detention Act 1958*), Timor-Leste (*Internal Security Law 2003*), Israel (*Emergency Powers [Detention] Law*) dan Sri Lanka (*Prevention of Terrorism Act 1982*) serta beberapa buah negara lain yang menguatkuasakan undang-undang yang mempunyai persamaan dengan AKDN 1960. Kajian turut meneliti hasil-hasil kajian dan penulisan oleh ahli-ahli akademik, pengamal undang-undang dan sebagainya, khususnya yang berkaitan dengan pelaksanaan AKDN 1960.

Dalam menjamin ketelusan dan keadilan serta mencerminkan keterbukaan dan kesediaan Kerajaan, Kementerian juga mengadakan sesi-sesi *Public Engagement* untuk membincangkan pindaan terhadap Akta ini. Pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh agensi-agensi penguat kuasa, badan-badan bukan kerajaan, pakar akademik dan pengamal undang-undang, ahli-ahli politik dan ahli-ahli parlimen serta orang awam akan diambil kira dan diberikan perhatian di dalam eksais pindaan Akta ini.

Kerajaan juga sedang meneliti dan membuat kajian terhadap cadangan penubuhan Majlis Keselamatan Dalam Negeri (MKDN) oleh Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) sebelum sebarang pertimbangan atau keputusan terhadap cadangan tersebut dibuat oleh Kerajaan. Dalam membuat pindaan Akta ini, Kementerian Dalam Negeri yang diberikan tanggungjawab menjaga keselamatan negara tidak akan sesekali berkompromi dalam perkara yang menyentuh keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM)**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009 (RABU)**

**SOALAN :**

YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada subsidi penjagaan kanak-kanak bagi kakitangan perkhidmatan awam sudah dimulakan dan sama ada Kerajaan merancang untuk memanjangkan program ini kepada semua keluarga yang berpendapatan rendah. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meluluskan pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA sebanyak RM180.00 sebulan bagi seorang anak kepada pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,000 sebulan dan menghantar anak mereka yang berumur dibawah 4 tahun ke TASKA di tempat

kerja sektor awam bermula 1 April 2007. Atas keprihatinan Kerajaan terhadap kakitangan awam, kelayakan pendapatan untuk menerima subsidi yuran pengasuhan TASKA ini dinaikkan daripada RM2,000 sebulan kepada RM3,000 sebulan mulai 1 Januari 2009. Dengan kenaikan tersebut, lebih ramai pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam menikmati kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi keluarga yang berpendapatan rendah, Kerajaan juga ada menyediakan subsidi yuran TASKA sebanyak RM180.00 sebulan bagi seorang anak. Subsidi ini diberikan kepada keluarga yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM2,000 sebulan di bandar dan RM1,200 sebulan di luar bandar yang menghantar anak mereka ke TASKA Komuniti.

Buat masa ini, Kerajaan tidak merancang untuk memberikan subsidi yuran pengasuhan TASKA kepada semua keluarga berpendapatan rendah kerana ia akan melibatkan implikasi kewangan yang besar.

NO. AUM : ~~25~~23

NO. AUP : 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI  
[ TITIWANGSA ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009**

**RUJUKAN : 2088**

**SOALAN:**

**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan polis terhadap ugutan rogol ke atas EXCO Kerajaan negeri Selangor, YB. Rodziah dan juga ugutan bunuh terhadap Ahli Parlimen Shah Alam semasa majlis dialog dengan penduduk Seksyen 23 yang lalu serta sejauh manakah tindakan yang telah diambil terhadap laporan polis yang dibuat oleh kedua-dua YB tersebut.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Titiwangsa yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, laporan polis No. Repot: Seksyen 11 Rpt: 6705/09 yang dibuat berhubung kes ugutan rogol terhadap YB Rodziah Binti Ismail (ADUN Batu 3 Shah Alam) adalah disiasat di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan, iaitu atas kesalahan mengeluarkan perkataan atau isyarat yang bermaksud mengaibkan kehormatan seseorang. Empat orang saksi telah dirakam percakapan dan baki seorang lagi saksi akan dipanggil bagi membantu siasatan. Setakat ini tiada sebarang tangkapan dibuat dan kes ini masih lagi dalam siasatan pihak polis.

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini, pihak polis masih belum menerima sebarang laporan daripada YB Shah Alam berhubung ugutan bunuh sepertimana yang didakwa tersebut.

NO. AUM : 2824

NO. AUP : 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**  
**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009**  
**RUJUKAN : 2089**

**SOALAN:**

**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan akhir yang menunggu pelaksanaan hukuman mati terhadap mereka setelah penghakiman muktamad dan yang tidak diberi pengampunan setakat 30hb September 2009.

**Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gelugor** yang mengemukakan pertanyaan.

Statistik Jabatan Penjara pada 30 September 2009 menunjukkan terdapat seramai 386 banduan yang disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman mati oleh mahkamah kerana pelbagai kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya, Kanun Kesiksaan dan Akta Senjatapi.

Daripada jumlah tersebut seramai 46 orang telah selesai semua proses rayuan di Mahkamah dan kini dalam proses mengemukakan rayuan kepada Jemaah Pengampunan Negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan. Pelaksanaan hukuman gantung sampai mati terhadap mereka masih belum dapat disempurnakan kerana Jabatan Penjara belum menerima sebarang perintah dari Jemaah Pengampunan Negeri. Sebahagian dari banduan yang telah selesai semua proses rayuan di Mahkamah enggan atau melengahkan untuk mengemukakan petisyen atau rayuan mereka kepada Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri. Petisyen berkenaan di bawah Peraturan 114, Peraturan-Peraturan Penjara 2000 yang menetapkan banduan hukuman mati boleh mengemukakan petisyen atau rayuan. Petisyen berkenaan perlu bagi membolehkan Jemaah Pengampunan Negeri mempertimbangkan sama ada hukuman mati diteruskan atau diringankan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA** : **Datuk Tiong Thai King [Lanang]**  
**TARIKH** : **Rabu, 4 November 2009**  
**SOALAN [28]** : **Datuk Tiong Thai King [Lanang]**  
minta **MENTERI LUAR NEGERI**  
menyatakan konflik Malaysia-Indonesia  
terutamanya dalam pemilikan pulau,  
pencerobohan kebudayaan dan penderaan  
orang gaji sering tersiar di media Indonesia.  
Adakah keadaan ini mempengaruhi  
hubungan diplomatik kedua-dua negara.

**Jawapan:**

Tuan Yang Di Pertua

Izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Y.B. Lawas bertarikh 29 Oktober 2009 bersama soalan daripada Y.B. Lanang dan Y.B. Pasir Puteh bertarikh 4 November 2009, Y.B. Kota Belud dan Y.B. Setiu bertarikh 11 November 2009, Y.B. Batu bertarikh 16 November 2009, Y.B. Bukit Katil bertarikh 1 Disember 2009, Y.B. Kalabakan dan Y.B. Kinabatangan bertarikh 3 Disember 2009, Y.B. Sabak Bernam bertarikh 8 Disember 2009 serta Y.B. Sungai Siput bertarikh 15 Disember 2009, kerana menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Malaysia sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan hubungan dengan negara-negara serantau, terutamanya dengan Indonesia. Hubungan dan kerjasama yang erat di antara kedua-dua negara telah diterjemahkan dengan berlangsungnya kekerapan pertukaran lawatan, baik di peringkat tertinggi mahupun di peringkat pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Di peringkat pemimpin dan kerajaan, Rundingan Tahunan dan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (*Joint Commission Meeting – JCM*) di peringkat tertinggi merupakan dua mekanisme yang telah dilaksanakan untuk memantapkan hubungan di antara kedua-dua negara. Mekanisme-mekanisme lain yang telah digunakan untuk mengukuhkan lagi persahabatan antara Malaysia dan Indonesia termasuk mesyuarat-mesyuarat seperti Jawatankuasa Sosio Ekonomi, Jawatankuasa Sempadan Bersama dan Jawatankuasa Am Sempadan. Kementerian Luar Negeri yakin rundingan dan mesyuarat tersebut merupakan mekanisme penting untuk kedua-dua negara berunding dan mencari jalan penyelesaian kepada sebarang masalah dan isu-isu berbangkit demi kemakmuran dan keamanan kedua-dua negara.

4. Di peringkat antara rakyat (*people-to-people*), Kementerian Luar Negeri serta Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di Indonesia sering menyelaraskan program-program sosial dan budaya yang dianjurkan oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO), masyarakat dan rakyat kedua-dua negara. Program-program sedemikian ternyata telah memberi kesan yang positif dalam hubungan antara rakyat di kedua-dua negara.

5. Di samping itu, Kementerian Luar Negeri juga melaksanakan berbagai-bagai usaha-usaha lain di pelbagai peringkat yang telah menyumbang ke arah hubungan antara Malaysia dan Indonesia yang secara keseluruhannya kekal mesra dan akrab. Antara usaha-usaha tersebut termasuklah:

- i. Meneruskan momentum dalam rundingan bagi mencapai penyelesaian yang saksama untuk kedua-dua negara dalam isu-isu persempadanan;
- ii. Mempertingkatkan lagi perdagangan dua hala di antara kedua-dua negara;
- iii. Meneruskan usaha dalam melindungi hak pekerja-pekerja warga asing termasuk juga dari Indonesia berteraskan kepada peraturan dan undang-undang negara Malaysia;
- iv. Menggalakkan interaksi dan dialog antara komuniti media Malaysia dan Indonesia; dan
- v. Mengukuhkan persefahaman berdasarkan kepada persahabatan, hubungan sejarah dan budaya yang sedia terjalin di antara kedua-dua negara sejak zaman-berzaman melalui pertukaran program antara stesen radio dan televisyen Malaysia dan Indonesia.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Walaupun pelbagai usaha telah dizahirkan oleh kedua-dua negara dalam memupuk hubungan yang sedia ada, kita tidak dapat menafikan bahawa adanya segelintir individu dan golongan yang dengan sengajanya mahu mengusik serta menggangugugat keharmonian persahabatan kedua-dua negara ini. Bertautnya elemen-elemen negatif inilah yang menyebabkan tercetusnya beberapa isu yang boleh dilihat sebagai mencabar hubungan mesra dan akrab di antara kedua-dua negara ini. Oleh itu, Kementerian Luar Negeri telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif segera melalui saluran diplomatik yang sedia ada

dengan mengenal pasti perkara-perkara yang berbangkit dan menyelesaikannya secara halus dengan pihak-pihak yang berhubung kait dengan isu yang timbul.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Isu-isu yang telah mencuit kembali kebencian dan menyemarakkan sentimen anti-Malaysia di kalangan segelintir rakyat Indonesia terhadap Malaysia adalah seperti isu "*Tarian Pendet*", tuntutan bertindih Malaysia-Indonesia berkaitan batasan sempadan Laut Sulawesi, isu Pulau Jemur, penderaan pembantu rumah warga Indonesia dan isu tenaga kerja Indonesia. Provokasi-provokasi melampau dari segelintir pihak di Indonesia yang bersifat hasutan tersebut telah menyebabkan hubungan baik antara kedua negara mengalami keretakan.

8. Perkara ini lebih diburukkan apabila, sesetengah pihak media Indonesia mengambil kesempatan dengan membakar api kemarahan di Indonesia. Apa yang pada mulanya hanya kelihatan remeh telah menular sehingga menjadi ancaman kepada rakyat Malaysia. Ancaman-ancaman ini telah dibuat dalam pelbagai bentuk termasuk operasi pengusiran (*sweeping*) dan persediaan untuk 'berperang' seperti yang diwar-warkan oleh satu kumpulan masyarakat Indonesia yang menggelarkan diri mereka sebagai Benteng Demokrasi Rakyat (BENDERA).

9. Kementerian Luar Negeri telah mendapati bahawa ada pihak media Indonesia yang tertentu yang telah rata-rata menjadi dalang

dalam usaha menyemarakkan kebencian di kalangan rakyat Indonesia terhadap Malaysia. Walau bagaimanapun, sebarang tindakan undang-undang tidak dapat diambil memandangkan pihak media Indonesia adalah bebas dan terbuka untuk mengkritik dan mensensasikan sesuatu isu termasuklah kritikan terbuka dan keras terhadap pemimpin dan pentadbiran Indonesia sendiri.

Tuan Yang Di-Pertua,

10. Kementerian Luar Negeri mendapati bahawa isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak media Indonesia seperti isu "*Tarian Pendet*", dakwaan tuntutan Malaysia ke atas Pulau Jemur, penderaan pembantu rumah warga Indonesia dan isu tenaga kerja Indonesia sering berdasarkan fakta-fakta yang tidak tepat kerana tidak diselidiki terlebih dahulu. Kementerian Luar Negeri sering mengambil pendekatan untuk menjelaskan fakta yang sebenarnya supaya semua pihak di Indonesia jelas dengan isu yang dilemparkan kepada Malaysia.

11. Kementerian Luar Negeri akur bahawa isu-isu akan terus dimainkan oleh pihak media, segelintir individu dan kumpulan di Indonesia yang mungkin kurang senang dengan hubungan mesra dan akrab Malaysia dan Indonesia. Ini merupakan cabaran kepada kedua-ke dua negara dalam mempertahankan hubungan erat yang sedia terjalin. Di dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri akan meneruskan momentum dalam mencari penyelesaian terbaik untuk menangani segala permasalahan yang timbul antara kedua-dua negara.

Sekian, terima kasih.

No: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]**

**TARIKH** : **04 NOVEMBER 2009 (RABU)**

**SOALAN** : ~~28~~ **29**

**DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah kemalangan serta kemalangan maut semasa sambutan perayaan-perayaan antaranya seperti perayaan Hari Raya dan Tahun Baru Cina bagi lima tahun yang lepas mengikut negeri dan apakah punca utama kemalangan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kemalangan dan kemalangan maut yang dicatatkan semasa sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kemalangan	Jumlah kemalangan maut
2005	13,661	212
2006	15,716	213
2007	15,911	203
2008	15,996	186
2009	17,335	241

Sumber : PDRM

Bagi perayaan Tahun Baru Cina, jumlah kemalangan dan kemalangan maut yang dicatatkan bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kemalangan	Jumlah kemalangan maut
2005	11,462	161
2006	13,153	205
2007	14,930	192
2008	14,991	178
2009	14,618	198

Sumber : PDRM

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan analisa yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), di antara faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan kemalangan jalan raya pada musim perayaan adalah seperti berikut:

- (i) peningkatan jumlah bilangan kenderaan berdaftar (pertambahan sebanyak 80%) dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Sehingga tahun 2008 sahaja, jumlah kenderaan berdaftar ialah 17,971,901 buah kenderaan. Bagi tahun 2009 (Januari hingga Ogos), bilangan kenderaan berdaftar telah mencecah hampir 18.7 juta buah kenderaan, iaitu peningkatan 701,622 buah kenderaan dengan 8.8 juta daripadanya adalah motosikal yang menyumbang kepada 60% jumlah kemalangan maut;

- (ii) peningkatan bilangan pemegang lesen yang meningkat sebanyak 47% dalam tempoh 10 tahun. Sehingga bulan Ogos 2009, jumlah pemegang lesen memandu ialah seramai hampir 11.6 juta iaitu peningkatan sebanyak 344,777 orang pemandu baru dalam masa lapan bulan dengan purata peningkatan sebulan seramai 43,097 orang; dan
  
- (iii) masalah sikap pengguna jalan raya yang tegar. Kajian mendapati kebanyakan pengguna jalan raya tidak berhemah, tidak berdisiplin dan memandu dengan laju, mengejar masa, letih, tidak memakai tali pinggang keledar keselamatan serta tidak memakai topi keledar atau tidak memakainya dengan betul. Sebagai kesimpulannya, kebanyakan pengguna jalan raya di negara ini tidak mengambil berat aspek keselamatan semasa memandu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA** : **TUAN TAN TEE BENG**  
**TARIKH** : **4 NOVEMBER 2009**  
**SOALAN** : **Meminta MENTERI PELANCONGAN**  
**menyatakan:**

Apakah langkah-langkah dan perancangan untuk meningkatkan lagi destinasi-destinasi pelancongan di Pulau Pinang khususnya Nibong Tebal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan sememangnya sentiasa membuat perancangan bersepadu dalam usaha memastikan industri pelancongan negara termasuk Pulau Pinang agar terus berkembang dan membangun.

Dalam konteks ini, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan telah menyediakan pelbagai perancangan dalam usaha mempromosi dan mengembangkan produk-produk dan destinasi pelancongan negara termasuk Pulau Pinang.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), Kementerian Pelancongan telah memberi peruntukan sebanyak RM74.1 juta di bawah Program Penyediaan atau Peningkatan Kemudahan Pelancongan kepada Pulau

Pinang. Sebanyak RM5.45 juta diperuntukkan bagi program naik taraf atau penyelenggaraan projek di Pulau Pinang.

Bagi Pembangunan Kemudahan Infrastruktur dan Aktiviti Rekreasi Hutan Lipur seperti Telok Bahang, Bukit Mertajam dan Bukit Panchor, sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan. Peruntukan ini adalah termasuk Bukit Panchor yang berada di kawasan Nibong Tebal, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM500,000.00. Projek tersebut telah dimulakan pada 1 Oktober 2009 dan dijangka siap sepenuhnya pada 1 Disember 2009. Sementara di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pula, Nibong Tebal telah diperuntukkan sebanyak RM330,000 untuk kemudahan jeti Sungai Sanglang dan tandas di Kampung Sanglang, Nibong Tebal, Pulau Pinang.

Manakala bagi produk homestay, perkembangan yang memberangsangkan telah dicapai bagi tahun 2009. Jumlah kedatangan pelancong ke Homestay Malaysia dari Januari hingga Ogos 2009 telah meningkat sebanyak 79%, iaitu seramai 102,934 orang berbanding tempoh yang sama pada tahun 2008. Dengan ini, jumlah pendapatan masyarakat luar bandar yang mengusahakan homestay ini juga turut meningkat sebanyak 97% kepada RM6.5 juta dalam tempoh yang sama. "Occupancy rate" juga telah meningkat dari 16.1% kepada 19.6% bagi tempoh Januari hingga Ogos 2009 berbanding 2008. Oleh yang demikian, Kementerian akan meneruskan usaha untuk mempromosikan Homestay termasuklah 2 Homestay di Nibong tebal iaitu Homestay Sungai Chenaam dan Homestay Sungai Setar.

Di samping itu, penganjuran acara-acara pelancongan dilihat telah memberi impak yang positif ke atas industri pelancongan negara dan Pulau Pinang khususnya. Bagi Pulau Pinang, sehingga Oktober 2009 Kementerian Pelancongan Malaysia telah menganjurkan acara-acara seperti CitraRasa ('Penang International Food Festival') dan 'Malaysia Mega Sales'. Kementerian ini akan terus menganjurkan acara-acara di Pulau Pinang dalam tahun 2010 dalam usaha mempromosikan Pulau Pinang di mata dunia.

Selain dari itu, Kementerian ini juga turut membantu dalam mempromosikan Pulau Pinang melalui agensi di bawah Kementerian ini iaitu Tourism Malaysia. Pakej-pakej pelancongan serta bahan-bahan promosi seperti brosur, vcd, iklan dan lain-lain turut dibangunkan dan dipasarkan ke seluruh dunia.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
(2009)**

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Tuan Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok)

TARIKH : 04 November 2009

SOALAN :

**Tuan Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah aduan yang diterima terhadap premis-premis jualan orang Islam yang tidak mengamalkan penyembelihan ayam mengikut kaedah syarak.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' JAMIL  
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak JAKIM mengambil alih persijilan Halal pada 1 Ogos 2009, sebanyak 16 aduan telah diterima terhadap premis jualan ayam yang diragui penyembelihannya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 aduan telah diambil tindakan dan 10 aduan lagi masih dalam tindakan Unit Pemantauan dan Penguatkuasaan, JAKIM. Semasa mengambil tindakan tersebut, JAKIM akan berkerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kastam, Kementerian Kesihatan, Jabatan Agama Islam Negeri dan pihak berkuasa tempatan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' ISMAIL BIN KASIM**  
**[ARAU]**  
**TARIKH : RABU, 4 NOVEMBER 2009**  
**RUJUKAN : 04**  
**SOALAN :**

**Dato' Ismail Bin Kasim [Arau]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

Dalam soal pengagihan guna tanah, berapakah jumlah tanah di kawasan strategik yang telah dianugerahkan kepada pihak swasta untuk tujuan pembangunan dari tahun 1990-an sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Arau, kelulusan bagi setiap permohonan berhubung soal tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan.

Berdasarkan rekod Pejabat Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL), Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur telah **memberimilik sebanyak 55 lot tanah Kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kepada syarikat-syarikat swasta daripada tahun 1991 sehingga 2009**. Luas keseluruhan bagi 55 lot tanah Kerajaan ini, adalah bersamaan dengan **142,627.144 meter persegi (14.26 hektar atau 35.24 ekar)**.

Manakala bagi **Wilayah Persekutuan Labuan** pula, jumlah lot tanah yang telah direkod sebagai diberimilik kepada pihak swasta untuk tujuan pembangunan dari tahun 1990-an sehingga kini adalah sebanyak **21.32 hektar atau 52.69 ekar**. Kebanyakan kawasan yang diberimilik adalah tertumpu di kawasan industri Rantau-Rantau dan pusat bandar.

Sementara itu, di **Wilayah Persekutuan Putrajaya**, jumlah tanah yang telah didaftarkan atas nama pihak swasta yang telah dilantik oleh Kerajaan yakni Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. sehingga sekarang adalah seluas **363.64 hektar**.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH  
[JASIN]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009**

**SOALAN:**

**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji pemberian Biasiswa Nasional dan biasiswa biasa selaras dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dan tuntutan keadilan sosial.**

**JAWAPAN :     YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah pelaksanaan program biasiswa luar negara 2009, Kerajaan telah memperkenalkan empat kategori utama apabila menganugerahkan biasiswa tajaan JPA. Kategori tersebut adalah kecemerlangan akademik tanpa mengambilkira bangsa atau kaum, komposisi kaum, kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak dan golongan *socially disadvantaged*. Dasar ini selari dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dan tuntutan keadilan sosial yang diterapkan di Malaysia.

Di samping itu, program Biasiswa Nasional yang akan diperkenalkan turut mengambilkira Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dan tuntutan keadilan sosial sepertimana pelaksanaan program biasiswa sedia ada.

**Sekian. Terima kasih.**

**SOALAN NO : 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM**  
**[ KAPAR ]**  
**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009**  
**SOALAN :**

**Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [ Kapar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina satu lagi hospital di daerah Klang khususnya di Parlimen Kapar untuk menampung pesakit yang semakin meningkat. Jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan dan jika tidak, kenapa.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan tidak merancang untuk membina sebuah lagi hospital baru di daerah Klang. Ini kerana, Hospital Tengku Ampuan Rahimah di Klang sedang dinaik taraf dengan pembinaan Jabatan Kecemasan yang baru dan juga pembinaan blok Materniti dan Pediatrik dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) ini yang dijangka dapat mengurangkan masalah kesesakan yang dihadapi sekarang. Kementerian Kesihatan

Malaysia juga sedang membina sebuah hospital baru di Shah Alam dan ianya juga dijangka dapat mengurangkan bilangan pesakit yang datang ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan hak komuniti kaum Penan dilindungi, kemudahan diperbaiki serta mangsa rogol wanita diberi keadilan.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan hasil lawatan Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual Terhadap Wanita Kaum Penan yang telah dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Mei 2009, Kerajaan telah bersetuju supaya:

- a) Langkah-langkah segera dilaksanakan untuk menangani isu penderaan seksual dengan meningkatkan kesedaran kaum Penan terhadap isu keganasan terhadap wanita dan pendidikan seksual, meningkatkan rondaan, menganjurkan program pembangunan minda dan menangani masalah pengangkutan;
- b) Langkah-langkah dilaksanakan untuk menangani isu pendaftaran kelahiran dengan mengadakan program, dengan izin, *outreach*, Operasi Pendaftaran Bersepadu dan menempatkan dua pasukan unit khas bergerak (UKB) di kawasan Baram; dan
- c) Langkah-langkah dilaksanakan untuk menangani isu kesihatan dengan memastikan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi membolehkan Perkhidmatan Doktor Udara (PDU) dan Perkhidmatan Perubatan Bergerak diteruskan, memberi latihan mengenai isu penderaan seksual kepada pegawai dan kakitangan kesihatan, memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan bergerak dan menggembeng penglibatan kaum Penan dalam aktiviti promosi kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan ke atas dakwaan rogol ke atas kanak-kanak perempuan dan wanita Penan adalah di bawah bidang kuasa Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Kementerian dimaklumkan bahawa Pasukan Penyiasat Khas yang ditubuhkan oleh PDRM masih lagi menjalankan siasatan.

MEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**  
**[ PERMATANG PAUH ]**  
**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran aduan-aduan salah laku dua hakim Mahkamah Tinggi yang dilapor akan dibersarakan, sejauh manakah salah laku mereka melanggar Kod Etika Hakim dan mengapa tindakan-tindakan tidak diambil terhadap mereka menurut peruntukan Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 125 (a) melalui tribunal.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 127 Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan 36 (8) Peraturan Majlis Mesyuarat memperuntukkan bahawa kelakuan seseorang Hakim tidak boleh dibincangkan dalam Parlimen kecuali satu notis usul di berikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009**

**SOALAN:**

**Tuan Raime Bin Unggi [ Tenom ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-**

- (a) jumlah perpustakaan desa yang telah dibina mengikut negeri; dan
- (b) jumlah buku dan keperluan dan kemudahan Teknologi Maklumat (IT) yang disediakan pada setiap perpustakaan desa di seluruh negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Adalah menjadi strategi Kerajaan untuk memperluaskan rangkaian perkhidmatan perpustakaan ke seluruh negara khususnya perpustakaan desa supaya lebih ramai rakyat negara ini mendapat kemudahan

perpustakaan dan akses kepada sumber maklumat. Berdasarkan perancangan pembangunan perpustakaan desa melalui Perpustakaan Negara Malaysia, sebanyak 1,089 unit perpustakaan desa telah diwujudkan di kawasan luar bandar. Sebanyak 475 unit perpustakaan desa telah dibina melalui peruntukan khas di bawah Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2005 dan diurus tadbir oleh Perpustakaan Negara Malaysia manakala bakinya diurus tadbir oleh Perpustakaan Awam Negeri.

Bermula pada tahun 2005, bagi peringkat permulaan jumlah buku yang dibekalkan bagi setiap perpustakaan desa adalah sebanyak 3,305 naskhah setahun. Walau bagaimanapun, ianya akan meningkat dari setahun ke setahun mengikut peruntukan yang diterima oleh Kementerian ini. Sehingga September 2009, sebanyak 859 daripada 1,089 unit Perpustakaan Desa telah mempunyai capaian internet di bawah projek *Universal Service Provision* (USP) yang dibekalkan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Peralatan yang dibekalkan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ialah *Very Small Aperture Satellite Terminal* (VSAT) 64Kbps *uplink*/256Kbps *downlink* atau *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL) 128Kbps *uplink* / 384Kbps *downlink*, Sistem Suria (solar) bagi perpustakaan desa yang tiada bekalan elektrik, 2 unit komputer peribadi dengan kemudahan Internet, 2 unit *Uninterrupted Power Supply* (UPS), 1 unit pengimbas dan 1 unit mesin pencetak manakala peralatan yang dibekalkan oleh SKMM ialah Akses Internet jalur lebar

dengan kelajuan muat turun 1Mbps dan muat naik 512Kbps, 3 unit komputer peribadi dengan kemudahan internet, 1 unit pencetak laser (*laser printer*) pelbagai fungsi, 1 unit *pendrive*, 1 unit projektor dan skrin layar serta 3 unit *Uninterrupted Power Supply (UPS)*.

Di samping itu, perpustakaan desa yang dibangunkan di bawah peruntukan khas juga dibekalkan dengan 2 unit komputer, 1 unit pencetak, 1 unit pengimbas dan 1 unit *Uninterrupted Power Supply (UPS)*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009**

**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nama-nama telaga gas dan minyak yang berada dalam perairan Terengganu dan jumlah pengeluaran gas dan minyak bagi tiap-tiap satu telaga sejak ia bermula.

**JAWAPAN : YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP**

Tuan Yang Di Pertua,

Dari segi perundangan, berasaskan kepada Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) Nombor 7, 1969 serta Akta Kemajuan Petroleum 1974, Negeri seperti Terengganu hanya mempunyai hak untuk menuntut pembayaran royalti bagi sumber petroleum yang dihasilkan daripada perairan Negeri tersebut. Dalam hal ini, perairan Negeri adalah ditakrifkan sebagai kawasan yang terletak tidak melebihi tiga batu nautika dari tikas air surut (*low water mark*) atau pesisir pantai negeri tersebut.

Oleh yang demikian, dari segi perundangan, pada masa ini tidak ada pengeluaran petroleum daripada kawasan perairan Negeri Terengganu.

Walaupun peruntukan perundangan ini adalah jelas, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan wang ehsan untuk Negeri Terengganu, dengan mengambil kira pengeluaran petroleum yang terletak di luar pesisir pantai (offshore) Terengganu, iaitu melebihi tiga batu nautika dari pesisir pantai negeri tersebut. Peruntukan wang ehsan ini juga telah dipertimbangkan berasaskan keperluan pembangunan Negeri Terengganu serta tahap pendapatan rakyatnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH (KOTA BHARU)**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2009**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Wan Abd Rahim Bin Wan Abdullah** minta **PERDANA  
MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil  
untuk membersihkan Daftar Pemilih daripada Pengundi Hantu.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Daftar Pemilih adalah dibuat secara telus mengikut kerangka Undang-undang yang sedia ada. Sebenarnya tidak ada istilah *Phantom Voters* (Pengundi Hantu). Apa yang ada ialah Pengundi berdaftar yang telah pun berpindah daripada tempat pendaftaran asal dan bermastautin di dalam satu kawasan baru.

Walau bagaimanapun pengundi berkenaan tidak membuat permohonan di bawah *Peraturan 12, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002* untuk menukar alamat pusat mengundi supaya selaras dengan alamat tempat bermastautin. Oleh itu, apabila berlaku Pilihan Raya, pemilih berdaftar berkenaan akan kembali mengundi di tempat pendaftaran mereka dan mereka adalah pemilih yang sah dari segi Undang-undang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. DATO' RASHID BIN DIN  
(MERBOK)  
TARIKH : 4 NOVEMBER 2009 ( RABU )

**SOALAN :**

**Y.B. DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** apakah sebabnya kelewatan pembinaan Kompleks Pejabat Majlis Perbandaran sungai Petani di atas tapak Dewan Kenanga, Sungai Petani. apakah tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa ke atas kontraktor yang terlibat.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak menyediakan sebarang peruntukan bagi membina Kompleks Pejabat Majlis Perbandaran Sungai Petani. Kos pembinaannya adalah dibiayai daripada peruntukan Majlis dan juga pinjaman daripada Institusi Kewangan.

Kelewatan dalam pembinaan projek ini adalah disebabkan oleh masalah yang dihadapi oleh sub-kontraktor. Walau bagaimanapun, Majlis Perbandaran Sungai Petani telah mengatasi masalah ini dengan melantik sub-kontraktor yang baru. Pelaksanaan projek telah diteruskan semula dan dijangka siap pada bulan Ogos 2010.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

November 2009